

Maklumat Kewangan Penting Kumpulan

	TAHUN BERAKHIR 31 MAC				SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER		
	RM Juta		Kadar Pertumbuhan + / (-) (%)		RM Juta		Kadar Pertumbuhan + / (-) (%)
	2004	2003	2004	2003	2003	2002	2003
Pendapatan operasi	2,432.3	2,385.2	2.0	45.8	1,200.8	1,172.0	2.5
Pendapatan operasi sebelum kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan dan peruntukan am tanggungan luar jangka	826.0	791.8	4.3	62.5	419.6	349.2	20.1
Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan	369.0	496.6	(25.7)	>100.0	209.5	223.0	(6.1)
Peruntukan am/ (Masuk kira semula peruntukan am) tanggungan luar jangka	37.0	(16.0)	>100.0	(>100.0)	-	(9.2)	100.0
Keuntungan sebelum pencukaian dan selepas bahagian keputusan syarikat bersekutu	420.0	311.2	35.0	3.7	210.1	135.4	55.1
Keuntungan selepas pencukaian dan kepentingan minoriti#	450.7	334.2	34.9	43.5	332.3	163.9	>100.0
Jumlah aset #	33,720.4	32,689.5	3.2	5.2	33,536.9	31,667.2	5.9
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (bersih)	25,990.4	25,101.9	3.5	9.6	25,714.8	24,034.4	7.0
Deposit dan pinjaman	30,305.8	29,722.7	2.0	5.1	30,141.6	28,900.9	4.3
Dana pemegang saham #	2,547.2	2,133.3	19.4	16.1	2,428.2	2,002.4	21.3
Pulangan sebelum pencukaian ke atas purata dana pemegang saham (%) ^^	17.9	15.7	14.5	(9.4)	18.4**	14.1**	30.4
Pendapatan sesaham asas (sen) +							
- Kasar	79.5	58.4	36.0	(7.8)	79.5**	52.2**	52.4
- Bersih #	85.3	62.8	35.8	27.5	125.8**	63.2**	99.1
Dividen kasar sesaham (sen)	10.0	10.0	-	-	-	-	-
Liputan dividen bersih (bil. kali)	11.8	8.8	34.1	28.4	-	-	-
Aset ketara bersih sesaham (RM)#	4.63	3.84	20.6	5.0	4.41	3.59	22.7
Bilangan kakitangan	5,220	4,817	8.4	(13.7)	5,010	4,605	8.8
Aset bagi setiap kakitangan (RM Juta)	6.5	6.8	(4.8)	21.8	6.7	6.9	(2.7)
Keuntungan sebelum pencukaian bagi setiap kakitangan (RM'000)	80.5	64.6	24.5	20.1	83.9**	58.8**	42.6

Rujuk kepada muka surat 27 untuk keterangan legenda.

Kajian Kewangan

Lima Tahun Kumpulan

TAHUN BERAKHIR 31 MAC

1. PENDAPATAN (RM JUTA)

	2004	2003	2002	2001 ^	2000 ^
a Pendapatan operasi	2,432.3	2,385.2	1,636.1	1,448.2	1,479.6
b Pendapatan operasi sebelum kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan dan peruntukan am tanggungan luar jangka	826.0	791.8	487.4	540.2	519.6
c Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan	369.0	496.6	187.8	174.6	217.3
d Peruntukan am/(Masuk kira semula peruntukan am) tanggungan luar jangka	37.0	(16.0)	(0.6)	25.0	-
e Keuntungan sebelum pencukaian dan selepas bahagian keputusan syarikat bersekutu	420.0	311.2	300.2	340.6	302.3
f Keuntungan selepas pencukaian dan kepentingan minoriti #	450.7	334.2	232.8	242.0	214.2

2. KUNCI KIRA-KIRA (RM JUTA)

Aset					
a Jumlah aset *#	33,720.4	32,689.5	31,083.1	17,178.9	15,006.9
b Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (bersih) *	25,990.4	25,101.9	22,909.0	13,548.6	11,783.6
Tanggungan dan Dana Pemegang Saham					
a Deposit dan pinjaman *	30,305.8	29,722.7	28,289.6	15,074.6	13,209.5
b Modal saham berbayar	528.8	528.4	472.8	472.7	472.1
c Dana pemegang saham #	2,547.2	2,133.3	1,838.1 [@]	1,623.0 [@]	1,413.7 [@]

3. SESAHAM (SEN)

a Pendapatan kasar - asas +	79.5	58.4	63.3	72.1	65.4
b Pendapatan bersih - asas + #	85.3	62.8	49.3	51.2	46.4
c Aset ketara bersih sesaham #	463.4	384.3	366.0	343.3	299.5
d Dividen kasar	10.0	10.0	10.0	10.0	10.0

4. NISBAH KEWANGAN (%)

a Pulangan sebelum pencukaian ke atas purata dana pemegang saham ^^	17.9	15.7	17.3	22.4	23.2
b Pulangan sebelum pencukaian ke atas purata jumlah aset *	1.3	1.0	1.2	2.1	2.0
c Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan berbanding dengan deposit dan pinjaman *	85.8	84.5	81.0	89.9	89.2

5. HARGA SAHAM (RM)

a Tinggi	7.10	5.60	5.00	5.30	6.00
b Rendah	3.92	3.78	1.76	2.21	1.20

** Diselaraskan untuk setahun

^^ Diselaraskan untuk kepentingan minoriti

@ Termasuk ICULS

* Angka-angka bandingan untuk tahun 2000 dan 2001 telah dinyatakan semula selaras dengan garis panduan pindaan BNM untuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

+ Berdasarkan purata wajaran bilangan saham yang diterbitkan dalam tahun kewangan

^ Mewakili angka-angka bagi Syarikat disebabkan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002 adalah tahun penyatuan yang pertama bagi Kumpulan

Selepas mengambil kira penyerapan MASB 25 Cukai Pendapatan, atas pengukuran dan pengiktirafan aset pencukaian tertunda dan/atau tanggungan pencukaian tertunda dan MASB 19, Peristiwa-peristiwa Selepas Tarikh Kunci Kira-kira, atas pengiktirafan dividen yang telah diambil kira secara retrospektif




Kajian Kewangan Kumpulan

Gambaran Keseluruhan

Setelah berjaya menyelesaikan pelaksanaan integrasi penggabungan dengan MBf Finance Berhad lebih dari setahun yang lepas, AMFB Holdings Berhad (Kumpulan) telah mula merasai sinergi penggabungan tersebut melalui kehadiran rangkaian cawangan yang meluas di seluruh negara. Keuntungan sebelum pencukaian Kumpulan meningkat sebanyak 35.0% kepada RM420.0 juta bagi Tahun Kewangan (TK) 2004 terutamanya hasil daripada perkembangan perniagaan sewa-beli Kumpulan yang diuruskan oleh syarikat subsidiari milik penuh Kumpulan AmFinance Berhad (AmFinance). Kehadiran cawangan AmFinance yang meluas dan panel peniaga-peniaga kenderaan bermotor yang berkomited telah membantu AmFinance mengekalkan kedudukan yang teratas dalam segmen pembiayaan kenderaan bermotor.

Hasil daripada kredit cukai, Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas pencukaian sebanyak RM450.7 juta iaitu 34.9% lebih tinggi daripada keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan lepas yang berjumlah RM334.2 juta. Hasilnya, pendapatan sesaham tercair sepenuhnya Kumpulan meningkat daripada 62.8 sen sesaham bagi TK 2003 kepada 85.2 sen sesaham bagi TK 2004 dan Kumpulan terus menambah nilai kepada pemegang saham.

Sumber-sumber Pendapatan Kumpulan (RM'000)




Keuntungan Operasi


Walaupun persekitaran operasi mencabar, Kumpulan telah menunjukkan kemampuannya untuk menyampaikan keputusan baik. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 (TK 2004) Kumpulan telah mencatat keuntungan sebelum pencukaian yang lebih tinggi berjumlah RM420.0 juta, iaitu 35.0% lebih tinggi daripada keuntungan sebelum pencukaian tahun kewangan sebelumnya. Kenaikan dalam keuntungan sebelum pencukaian adalah disebabkan oleh perbelanjaan faedah yang lebih rendah dan keuntungan yang lebih tinggi yang diperolehi daripada Perniagaan Perbankan Islam. Pendapatan daripada Perniagaan Perbankan Islam mencecah hampir tiga kali ganda daripada RM89.8 juta bagi TK 2003 kepada RM264.7 juta bagi TK 2004 hasil daripada pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan terutamanya pembiayaan sewa-beli Islam.

Di samping keputusan kewangan yang lebih baik, Kumpulan terus kekal komited untuk memperbaiki kualiti asetnya. Kumpulan telah berjaya mengurangkan kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan sebanyak RM127.5 juta atau 25.7% kepada RM369.0 juta bagi TK 2004 berbanding dengan RM496.6 juta dalam tahun kewangan sebelumnya dan seterusnya menyumbang kepada pengukuhan prestasi kewangan Kumpulan.

Kumpulan berjaya menjana kenaikan komisen sebanyak 36.6% berjumlah RM16.0 juta bagi TK 2004 dan seterusnya menyumbang kepada kenaikan pendapatan bukan faedah Kumpulan sebanyak RM40.1 juta berbanding dengan RM39.2 juta bagi TK 2003. Peningkatan komisen terutamanya disebabkan oleh inisiatif-inisiatif perkhidmatan bersilang dengan bank komersial dan perniagaan insurans Kumpulan AmBank.



Pendapatan Yuran Kumpulan




Pendedahan Industri dan Pertumbuhan Pinjaman

Aset sewa-beli Kumpulan terus bertambah besar disebabkan oleh penguasaan Kumpulan AmBank dalam pasaran pembiayaan kenderaan bermotor. Pinjaman sewa-beli kasar Kumpulan meningkat sebanyak RM1.4 bilion atau 8.5% kepada RM18.1 bilion pada 31 Mac 2004. Kumpulan juga berjaya melanjutkan usaha pencapaian dalam pasaran pinjaman perumahan yang dibuktikan dengan perkembangan sebanyak RM481.6 juta atau 11.1% dalam portfolio pinjaman perumahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam segmen ini sebahagiannya telah diimbangi oleh pengecutan dalam lain-lain segmen pinjaman Kumpulan. Maka, pinjaman Kumpulan hanya meningkat sebanyak RM350.6 juta atau 1.3% kepada RM28.1 bilion pada 31 Mac 2004.

Langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kumpulan, bagi memperbaiki kualiti aset pinjaman telah mendatangkan hasil. Peruntukan tertentu bagi pinjaman hutang lapuk dan ragu telah berkurang sebanyak RM311.8 juta atau 29.8% kepada RM0.7 bilion pada 31 Mac 2004. Faedah/pendapatan tergantung juga telah berkurang sebanyak RM242.6 juta atau 20.4% daripada RM1.2 bilion pada tahun kewangan lepas.


Pinjaman Tertunggak Kumpulan Mengikut Industri



- Pembelian Kenderaan Pengangkutan
- Harta Tanah Perumahan
- Perkilangan
- Pembinaan
- Pertanian/Perlombongan
- Perkhidmatan Kewangan, Insurans dan Perniagaan
- Kad Kredit
- Harta Tanah Bukan Perumahan
- Pembelian Sekuriti
- Harta Tanah
- Perdagangan Am
- Lain-lain



- NPL
- Nisbah NPL Kasar
- Nisbah NPL Bersih



Analisa Pinjaman Tidak Berbayar Kumpulan


Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan

Walaupun pinjaman tidak berbayar kasar (NPL) Kumpulan telah menurun sebanyak RM297.6 juta atau 6.8% kepada RM4.1 bilion pada 31 Mac 2004, tetapi NPL bersih meningkat sebanyak RM256.8 juta atau 12.2% kepada RM2.4 bilion. Maka, nisbah NPL Kumpulan meningkat kepada 9.0% pada 31 Mac 2004 berbanding dengan 8.3% pada tahun kewangan lepas.

Struktur Pendanaan dan Deposit

Jumlah deposit Kumpulan telah meningkat sebanyak 3.1% atau RM756.9 juta kepada RM25.5 bilion pada 31 Mac 2004 terutamanya disebabkan oleh deposit daripada pelanggan yang telah meningkat sebanyak 4.1% kepada RM20.4 bilion. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh deposit Islam yang lebih tinggi hasil daripada perkembangan dalam perniagaan perbankan runcit Islam Kumpulan. Majoriti, atau 87.2% daripada deposit merupakan deposit tetap atau pelaburan.

Deposit runcit merangkumi 73.1% dari deposit daripada pelanggan pada 31 Mac 2004. Kumpulan terus berusaha secara aktif mendapatkan deposit runcit untuk tujuan pendanaan kerana kategori deposit ini pada amnya lebih stabil dan dengan itu merupakan sumber yang lebih baik.



Komposisi Deposit Runcit kepada Deposit Korporat Kumpulan

Dana Pemegang-pemegang Saham

Dana pemegang-pemegang saham Kumpulan telah meningkat kepada RM2.5 bilion pada 31 Mac 2004 daripada RM2.1 bilion pada tahun kewangan lepas terutamanya disebabkan oleh keuntungan tidak diagihkan sebanyak RM450.7 juta bagi TK 2004.

Hasil daripada perubahan dalam pengolahan perakaunan industri oleh BNM yang berkuatkuasa daripada Ogos 2003, aset atau tanggungan pencukaian tertunda Kumpulan tidak termasuk dalam pengiraan nisbah modal berwajaran. Oleh yang demikian, Kumpulan yang mempunyai aset pencukaian tertunda sebanyak RM701.2 juta pada 31 Mac 2004 mencatat nisbah modal teras yang lebih rendah iaitu 6.6% berbanding dengan 8.0% pada tahun sebelumnya. Selaras dengan itu, nisbah modal berwajaran risiko juga telah turun kepada 11.1% pada 31 Mac 2004 berbanding dengan 12.2% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, AmFinance merupakan satu-satunya entiti dalam Kumpulan yang perlu secara statut untuk mengekalkan nisbah kecukupan modal. Pada 31 Mac 2004, nisbah modal berwajaran risiko AmFinance telah meningkat kepada 11.2% (pada 31 Mac 2003: 10.8%) dan melebihi keperluan minima BNM.

Pengagihan Dana Pemegang-pemegang Saham Kumpulan

